



KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tender ini terbuka kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang layak dan berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIR-BUTIR LAWATAN DAN TAKLIMAT TAPAK	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1	No. Tender : KKLW.T.16/2014 PEMBINAAN JALAN KG BAWONG KE RPS LEGAP SG SIPUT (U) KUALA KANGSAR, PERAK	Berdaftar dengan: i) SPKK - Gred G7 - Kategori CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam) Dan ii) PKK - Sijil Taraf Bumiputera Dan iii) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) - Pengkhususan CE01 (Pembinaan Jalan Dan Pavemen) - Pengkhususan CE02 (Pembinaan Jambatan)	Taklimat Tapak : 29 September 2014 (Isnin) 11.00 Pagi Tempat taklimat : Perkarangan Masjid Kg. Bawong, Lasah, Sg. Siput. (Lawatan tapak selepas taklimat tapak) (Taklimat dan Lawatan Tapak adalah diwajibkan)	Tarikh Dijual : 30 September 2014 (bermula jam 9.00 Pg) hingga 21 Oktober 2014 Waktu: 8.30pg - 12.30t/hari 2.30-tg - 4.30 ptg (Isnin - Khamis) 8.30pg - 11.30 t/hari 3.00ptg - 4.30ptg (Jumaat)	Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA Harga Dokumen : RM 650.00	Tarikh Tutup : 21 Oktober 2014 (Selasa) Waktu : 12.00 t/hari Tempat : Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.

1. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA** pada waktu pejabat bermula **30 September 2014 hingga 21 Oktober 2014**

2. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang ditauliahkan atau yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliah seperti dalam Sijil Pendaftaran **ASAL Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** beserta salinan-salinannya. (SALINAN SIJIL DAN DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN YANG DISERTAKAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)

3. Petender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang (Money Order) / Bank Draf** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** sebagai bayaran Dokumen Tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.

4. **Taklimat Tender dan Lawatan Tapak** pembinaan adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang hadir sahaja akan dibenarkan membeli dokumen tender. Petender perlu membawa sijil pendaftaran **ASAL SPKK, CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** untuk semakan dan bagi yang menghantar wakil ke taklimat dan lawatan tapak tersebut **Surat Perwakilan Kuasa** hendaklah dikemukakan kepada wakil Kementerian serta setiap wakil berkenaan hanya boleh **mewakili satu syarikat sahaja**.

5. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.

6. Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian **tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui **Pos atau Kurier**.

7. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di alamat :-

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
ARAS 15, NO.47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62100 PUTRAJAYA
(U.P. : BAHAGIAN PEROLEHAN)